

20 MAY 1998

DR MAHATHIR KEMBALI BERTUGAS

KUALA LUMPUR, 20 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kembali bertugas hari ini setelah empat hari berada di Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia di sini kerana menjalani pembedahan kecil di buku lali kirinya.

Perdana Menteri memulakan tugasnya hari ini dengan mempengerusikan mesyuarat mingguan Kabinet, kata satu kenyataan Pejabat Perdana Menteri.

Beliau bagaimanapun dinasihatkan oleh doktor supaya kembali semula ke hospital untuk menjalani rawatan lanjut sehinggalah kakinya pulih sepenuhnya.

"Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali mengucapkan berbanyak terima kasih kepada mereka yang telah mengirim ucap selamat dan berdoa beliau cepat sembuh," kata kenyataan itu.

Perdana Menteri dirawat sejak Sabtu lepas setelah tertendang ketulan batu dan mengalami luka di buku lali kirinya, menyebabkan kakinya bengkak.

Kejadian itu berlaku 7 Mei, sehari sebelum beliau memulakan lawatan rasmi ke Mesir dan Sudan.

-- BERNAMA

MOK MAI